



TIGA model pakaian busana muslimah yang diperagakan di KUIM, Nilai kelmarin.

Warga KUIM perlu tampil bergaya

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah@kosmo.com.my

NILAI - Tidak perlu seksi kalau mahu bergaya.

Itulah yang cuba diterapkan oleh Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dengan penganjuran program Busana Muslimah 2007.

Program dua hari yang berakhir kelmarin itu memuatkan pelbagai

aktiviti seperti pertandingan peragaan busana dan pertandingan Muslimah Anggun.

Selain itu, Bengkel Pemantapan Penampilan Diri dan Kerjaya turut dianjurkan oleh universiti itu bertukar namanya kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuat kuasa semalam turut dianjurkan.

Menurut Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUIM, Prof. Dr. Mohammad Alias, beliau berharap penganjuran program itu akan

dapat memberi idea baru dalam konsep penampilan warga KUIM.

"Warga KUIM akan tampil lebih bergaya mengikut peredaran fesyen dengan menyelitkan ciri-ciri Islam," katanya.

Mohammad memberitahu, biarpun KUIM sinonim sebagai sebuah universiti yang lebih menjurus kepada pendidikan Islam, ia tidak menghalang pelajar dan kakitangan bergaya sesuai mengikut peredaran zaman.